

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 7 NOVEMBER 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 33

Stesen ECRL Puncak Alam diteruskan

Stesen ECRL Puncak Alam diteruskan

Kementerian Pengangkutan, MRL dan agensi berkaitan setuju luluskan stesen berkenaan

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Kerajaan akan meneruskan pembinaan stesen Jajaran Utara Projek Laluan Rel Pantai-Timur (ECRL) di Puncak Alam seperti mana yang diumumkan pada Jun lalu.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, pada mulanya ada beberapa stesen ECRL tidak diluluskan dan belum mendapat kelulusan termasuk stesen Puncak Alam.

Bagaimanapun, katanya, hasil perbincangan beliau dengan Kementerian Pengangkutan, Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) dan agensi berkaitan telah bersetuju meluluskan stesen ECRL berkenaan.

"Permintaan ini datang daripada penduduk di sini kerana laluan sudah ada cuma mereka inginkan pembinaan sebuah stesen ECRL di sini," katanya semasa sidang akhbar pada Hari Keluarga Bandar Puncak Alam di Bandar Puncak Alam di sini pada Ahad.

Tengku Zafrul yang juga calon BN Parlimen Kuala Selangor memberitahu, lokasi sebenar pembinaan stesen itu ialah di Alam Suria, Puncak Alam.

Ditanya bilakah kerja-kerja pembinaan stesen ECRL itu, Tengku Zafrul berkata, perkara tersebut perlu dirujuk kepada Kementerian Pengangkutan untuk maklumat lanjut.

"Saya hanya memanjangkan permintaan penduduk di sini sa-



Tengku Zafrul (kiri) bersama pemenang semasa Hari Keluarga Bandar Puncak Alam di Bandar Puncak Alam pada Ahad.

haja yang amat mengharapkan sebuah stesen ECRL dibuka di kawasan ini," jelas beliau.

Pada Jun lalu, Tengku Zafrul mengumumkan kelulusan bagi pembinaan stesen ECRL di Puncak Alam.

Projek ECRL dijangka beroperasi pada tahun 2027 itu mampu menampung 5.6 juta

penumpang setahun atau maksimum 440 penumpang bagi setiap perjalanan menerusi enam gerabaknya.

Jajaran ECRL itu melibatkan Selangor iaitu Seksyen C akan dibahagikan kepada dua iaitu Seksyen C1 dari Mentakab ke ITT Gombak dan Seksyen C2 dari Gombak ke Pelabuhan

Klang melalui Serendah.

Bagi Seksyen C2, ia melibatkan jajaran sepanjang 74.25 kilometer (km) yang merangkumi empat stesen iaitu Serendah Baru (penumpang dan kargo), Puncak Alam (stesen penumpang), Kapar (stesen penumpang) serta Pelabuhan Klang (penumpang dan kargo).